



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

**SATU PERBANDINGAN TENTANG KESAN PENDEKATAN  
MODEL PROSA DENGAN PENDEKATAN KONVENTSIONAL DALAM  
PENGAJARAN PENULISAN KARANGAN**

**PAUZIAH BT. MOHAMAD**

**FPP 1999 72**

**SATU PERBANDINGAN TENTANG KESAN PENDEKATAN  
MODEL PROSA DENGAN PENDEKATAN KONVENTSIONAL DALAM  
PENGAJARAN PENULISAN KARANGAN**

**Oleh :**

**PAUZIAH BT. MOHAMAD**

**Kertas Projek Yang Dikemukakan Sebagai Memenuhi Sebahagian  
Daripada Syarat Keperluan Untuk Ijazah  
Master Sains di Fakulti Pengajian Pendidikan,  
Universiti Putra Malaysia**

**April 1999**



## **PENGHARGAAN**

Pengkaji mengucapkan syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnia-Nya, kertas projek ini dapat disiapkan.

Dengan rasa rendah diri, pengkaji ingin merakamkan rasa penghargaan yang tinggi dan tidak terhingga kepada Dr. Rohani Ahmad Tarmizi (selaku penyelia) di atas segala usaha beliau menunjuk ajar, menegur, dan membimbing pengkaji menyiapkan kertas projek ini dari awal hingga akhir.

Jutaan terima kasih juga kepada kakitangan Perpustakaan Universiti Putra Malaysia dan kakitangan Pusat Sumber Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya kerana memberi kemudahan kepada pengkaji menggunakan bahan-bahan rujukan yang terdapat di dalamnya.

Kepada para pensyarah dan kakitangan bahagian siswazah, Fakulti Pengajian Pendidikan, khasnya Puan Rohani, yang terlibat secara langsung atau tidak langsung, guru-guru SMK Seri Serdang, terutama Puan Rohaida Atan, rakan-rakan seperjuangan, Yati dan Jasimah, budi kalian tidak akan dilupakan.

Buat bonda tersayang, suami tercinta, dan anak-anak yang dikasihi, terima kasih yang tidak terhingga di atas segala kerjasama dan doa restu yang diberi. Akhirkata, terima kasih buat semua yang turut membantu pengkaji dalam menyempurnakan kertas projek ini.

Wassalam.

## **ISI KANDUNGAN**

### **HALAMAN**

<b>PENGHARGAAN.....</b>	<b>ii</b>
<b>SENARAI JADUAL .....</b>	<b>vi</b>
<b>SENARAI SINGKATAN .....</b>	<b>viii</b>
<b>ABSTRAK .....</b>	<b>ix</b>
<b>ABSTRACT .....</b>	<b>xii</b>

### **BAB**

<b>I PENDAHULUAN .....</b>	<b>1</b>
Penyataan Masalah .....	6
Objektif Kajian .....	15
Kepentingan Kajian .....	16
Batasan Kajian .....	18
Hipotesis .....	19
Definisi Operasional .....	20
Penulisan Karangan .....	20
Pendekatan Model Prosa .....	22
Pendekatan Konvensional .....	26
<b>II SOROTAN LITERATUR .....</b>	<b>28</b>
Teori-teori Pembelajaran Bahasa Yang Berkaitan Dengan Pendekatan Model Prosa .....	31
Pendekatan Pengajaran Penulisan Karangan Menggunakan Model Prosa .....	38
Kajian Yang Berkaitan Dengan Pengajaran Penulisan Karangan .....	42
Rumusan .....	54

<b>III</b>	<b>METODOLOGI PENYELIDIKAN .....</b>	<b>55</b>
	Reka Bentuk Kajian .....	55
	Alat Kajian .....	57
	Persampelan .....	60
	Prosedur Kajian .....	61
	Penganalisisan Data .....	64
<b>IV</b>	<b>DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN .....</b>	<b>65</b>
	Profil Responden .....	66
	Analisis Dapatan Kajian dan Perbincangan .....	67
	Persepsi Pelajar Terhadap Pengajaran Penulisan Karangan .....	79
<b>V</b>	<b>KESIMPULAN DAN CADANGAN .....</b>	<b>84</b>
	Kesimpulan Dapatan Kajian .....	84
	Cadangan .....	87
	Cadangan Penyelidikan Lanjutan .....	90
<b>BIBLIOGRAFI .....</b>		<b>93</b>
<b>LAMPIRAN .....</b>		<b>98</b>
A	Borang soal selidik .....	98
B	Contoh karangan pelajar .....	102

## **SENARAI JADUAL**

<b>JADUAL HALAMAN</b>		<b>PERKARA</b>
1	Bilangan responden mengikut jantina	66
2	Min prestasi penulisan karangan ujian pra, ujian pasca dan fasa latihan bagi pelajar kumpulan pendekatan model prosa	68
3	Perbandingan min pencapaian penulisan karangan antara ujian pra dengan ujian pasca bagi pelajar kumpulan pendekatan model prosa	69
4	Min prestasi penulisan karangan semasa ujian pra, ujian pasca dan fasa latihan bagi pelajar kumpulan pendekatan konvensional	71
5	Perbandingan min pencapaian penulisan karangan antara ujian pra dengan ujian pasca bagi pelajar kumpulan pendekatan konvensional	72
6	Perbandingan min pencapaian penulisan karangan semasa fasa latihan bagi karangan jenis surat rasmi antara pelajar kumpulan eksperimen dengan dengan pelajar kumpulan konvensional	73
7	Perbandingan min pencapaian penulisan karangan semasa fasa latihan bagikarangan jenis surat kiriman tidak rasmi antara pelajar kumpulan eksperimen dengan pelajar kumpulan konvensional	75

8	Perbandingan min pencapaian penulisan karangan semasa fasa latihan bagi karangan jenis dialog antara pelajar kumpulan eksperimen dengan pelajar kumpulan pendekatan konvensional	76
9	Perbandingan min pencapaian penulisan karangan semasa ujian pasca antara pelajar kumpulan eksperimen dengan pelajar kumpulan konvensional	78
10	Bilangan dan peratusan jawapan responden terhadap soalan-soalan soal selidik	80

## **SENARAI SINGKATAN**

BM	-	Bahasa Melayu
HO	-	Hipotesis nol
KPMP	-	Kumpulan pendekatan model prosa
KPK	-	Kumpulan pendekatan konvensional
PMR	-	Peperiksaan Menengah Rendah
SP	-	Sisihan piawai
SPM	-	Sijil Pelajaran Malaysia
SPSS	-	Statistical Package For The Social Sciences
STPM	-	Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia
UPSR	-	Ujian Penilaian Sekolah Rendah

## **ABSTRAK**

Abstrak kertas projek yang dikemukakan kepada Universiti Putra Malaysia sebagai sebahagian daripada syarat keperluan untuk Ijazah Master Sains.

### **SATU PERBANDINGAN TENTANG KESAN PENDEKATAN MODEL PROSA DENGAN PENDEKATAN KONVENTSIONAL DALAM PENGAJARAN PENULISAN KARANGAN**

**Penyelia : Dr. Rohani Ahmad Tarmizi**

**Fakulti : Pengajian Pendidikan**

Kajian ini cuba mendapatkan bukti tentang kesan pendekatan model prosa dalam pengajaran penulisan karangan di kalangan pelajar tingkatan tiga di sebuah sekolah menengah di Daerah Petaling, Selangor Darul Ehsan. Tujuan kajian ini dibuat adalah untuk membuat perbandingan tentang kesan pendekatan model prosa dengan pendekatan konvensional dalam pengajaran penulisan karangan.

Kajian ini menggunakan kaedah eksperimen. Instrumen atau alat yang digunakan ialah markah penulisan karangan responden dan jawapan soal selidik responden. Data-data kajian

yang dikumpulkan ialah markah pencapaian penulisan karangan semasa ujian pra, fasa latihan, dan ujian pasca. Soal selidik digunakan untuk mendapatkan maklumat tentang persepsi pelajar terhadap pengajaran penulisan karangan menggunakan pendekatan model prosa.

Bahan-bahan tersebut dianalisis secara terperinci dan dibuat perbandingan terhadap prestasi penulisan karangan semasa ujian pra, fasa latihan dan ujian pasca pelajar kumpulan eksperimen dengan pelajar kumpulan konvensional. Perbandingan dibuat menggunakan program SPSS untuk mencari perbezaan berdasarkan Ujian t. Di samping itu, jawapan soal selidik dianalisis mengikut taburan kekerapan dan peratusan.

Hasil perkiraan Ujian t menunjukkan bahawa terdapat perbezaan yang signifikan terhadap min pencapaian ujian pasca pelajar kumpulan eksperimen berbanding dengan min pencapaian pelajar kumpulan konvensional dalam pencapaian penulisan karangan, nilai t (29) = 3.17, p = 0.05. Di samping itu, terdapat juga perbezaan yang signifikan antara pelajar kumpulan eksperimen dengan pelajar kumpulan konvensional dalam fasa latihan penulisan karangan jenis dialog, nilai t (29) = - 3.42, p = 0.05.

Manakala perbandingan intra kumpulan terhadap pencapaian penulisan karangan ujian pra dan ujian pasca dalam kumpulan eksperimen menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan, nilai  $t(29) = -10.09$ ,  $p = 0.05$ . Manakala tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara min pencapaian penulisan karangan bagi ujian pra dan ujian pasca kumpulan konvensional.

Kesimpulannya, dalam kajian ini pengajaran penulisan karangan menggunakan pendekatan model prosa terbukti lebih berkesan jika dibandingkan dengan pendekatan konvensional. Selain itu, pendekatan model prosa menjadi pilihan utama para pelajar dibandingkan dengan pendekatan konvensional. Daripada borang soal selidik yang diedarkan kepada responden menunjukkan 88.3% pelajar-pelajar lebih gemar guru menggunakan contoh-contoh karangan dalam pengajaran penulisan karangan kerana pendekatan tersebut dapat memudahkan mereka memahami format karangan dan memberi mereka idea untuk menulis.

## **ABSTRACT**

Abstract of the project paper presented to the Senate of University Putra Malaysia in partial fulfillment of the requirements for the degree of Master of Science

### **THE COMPARISON OF THE EFFECTIVENESS OF THE PROSE MODEL APPROACH WITH THE CONVENTIONAL APPROACH IN TEACHING WRITING COMPOSITION**

Chairman : Dr. Rohani Ahmad Tarmizi

Faculty : Faculty of Educational Studies

The aim of this research is to find out the effect of using prose model approach in the teaching of writing composition to the form three students in one of the secondary schools in the district of Petaling, Selangor Darul Ehsan.

The research design undertaken is the pre and post experimental design. Data was obtained using via students' writing compositions and questionnaires. The questionnaires were used to retrieve the respondents' perceptions about the prose model approach used in the teaching of writing composition. The students' writing composition were graded and comparisons were made on their performance on the post test between the experimental group and the conventional group.

Several t-test analysis were carried out. The findings of this research shows that there is significant difference in the mean score of post test in the writing performance between the experimental group and the conventional group,  $t (29) = 3.17$ ,  $p = 0.05$ . There is also a significant difference in the writing performance between the pre test mean score and the post test mean score of the experimental group,  $t (29) = -10.09$ ,  $p = 0.05$ . Where as, there is no significant difference in the writing performance between the pre test mean score and the post test means score of the conventional group.

In conclusion, findings in this research shows that the prose model approach is more effective than the conventional approach in the writing performance among students. In addition, students have also indicated preference to the use of prose model approach in the acquisition of writing skills, 88.3% agreeing to its useability.

## **BAB I**

### **PENGENALAN**

#### **PENDAHULUAN**

Kemahiran menulis merupakan salah satu daripada empat kemahiran bahasa iaitu bertutur, mendengar, membaca, dan menulis. Pentingnya kemahiran menulis sebagai satu kemahiran bahasa dalam pendidikan sekolah menengah jelas digambarkan dalam Sukatan Pelajaran Sekolah Menengah (1987) yang menyatakan bahawa salah satu objektif pendidikan Bahasa Melayu adalah untuk membolehkan pelajar menghasilkan pelbagai jenis penulisan.

Banyak pakar bahasa dan ahli pendidik mengakui bahawa kemahiran menulis merupakan kemahiran yang paling sukar dikuasai oleh seseorang pelajar. Kemahiran ini

bukanlah merupakan kemahiran yang boleh berkembang dengan sendirinya tetapi perlu dipelajari. Menurut Abdul Aziz Abdul Talib (1990), antara beberapa kemahiran bahasa iaitu kemahiran lisan, membaca dan menulis, kemahiran menulis boleh dianggap sebagai kemahiran yang paling tinggi tatatingkat kedudukannya dan yang paling sukar diajar.

Chance (1973) juga berpendapat bahawa salah satu kemahiran bahasa yang sukar diajar dan dinilai ialah kemahiran menulis. Kemahiran mendengar dan bertutur merupakan kemahiran semulajadi bagi individu yang normal, manakala kemahiran membaca dan menulis merupakan kemahiran yang perlu dipelajari.

Bagi Muhamad Zain (1987), kerja menulis memerlukan pendedahan makluman yang lancar dan mudah difahami oleh sesiapa jua. Ia berbeza sekali dengan pendedahan secara lisan. Pendedahan fikiran ini memerlukan aturan bahasa yang kejap, dan tatabahasa yang licin, agar ia mudah difahami oleh pembaca dengan perasaan yang mendalam lagi berkesan. Oleh itu, menulis adalah satu

kemahiran yang harus dipelajari dan kemahiran akan timbul apabila ia dilakukan secara lebih kerap.

Manakala Flower (1981) yang dipetik oleh Mohd. Jonit (1994) pula berpendapat, penulisan ialah satu proses kognitif yang berlaku melalui penyelesaian masalah. Penyelesaian masalah melalui penulisan dapat membantu seseorang membereskan urusan dengan orang-orang yang mempunyai hubungan dengannya dalam bentuk penulisan berfungsi seperti karangan jenis eksposisi, surat kiriman dan penghujahan. Komunikasi yang seumpama ini sangat diperlukan dalam dunia moden ini selain komunikasi melalui telefon untuk menyampaikan sesuatu mesej dengan tepat.

Untuk memastikan komunikasi melalui penulisan ini berjalan dengan lancar dan tepat, seseorang penulis mesti menguasai kecekapan-kecekapan tertentu. Menurut D'Angelo (1980) yang dipetik oleh Koh Boh Boon (1996), seseorang penulis mesti menguasai tiga kecekapan terpenting iaitu kebolehan untuk mencari idea yang bersabit, kebolehan untuk menyusun idea itu dalam satu cara yang dapat difahami dan

meyakinkan pembaca, serta kebolehan untuk memilih struktur ayat dan kata yang sesuai semasa menulis.

Di samping itu, Glatthorn (1981) telah menyatakan beberapa prinsip umum dalam mengarang. Prinsip-prinsip tersebut adalah seperti berikut:

- i. Proses mengarang adalah suatu proses yang kompleks, melibatkan daya ingatan, kognitif, bahasa dan perlakuan psikomotor.
- ii. Proses mengarang adalah bertingkat-tingkat . Ia melibatkan tahap yang berlainan dan mempunyai banyak subproses.
- iii. Proses mengarang seolah-olah berulang-ulang dan saling berkait antara satu sama lain, tahapnya bertindih-tindih, berkait rapat, dan saling mempengaruhi antara satu sama lain.

Marohaini Yusoff (1996) berpendapat bahawa kemahiran menulis penting bagi membolehkan para pelajar menjawab soalan peperiksaan. Dalam konteks sistem pendidikan di Malaysia, para pelajar bukan sahaja dikehendaki menjawab soalan Bahasa Melayu, tetapi juga bagi

mata pelajaran lain dalam Bahasa Melayu. Sebagaimana yang diketahui, pengujian terhadap kemahiran menulis secara formal dan tidak formal, tidak terbatas pada mata pelajaran Bahasa Melayu sahaja tetapi dalam hampir kesemua subjek dalam kurikulum sekolah kecuali mata pelajaran bahasa lain. Pelajar dikehendaki menulis jawapan mereka dalam bentuk huraiān atau mengarang. Dengan itu, kemahiran menulis amat penting dikuasai terutamanya bagi pelajar-pelajar sekolah menengah.

Bagi Mohamad Harun (1990) pula , mengarang, baik daripada jenis eseи mahupun kreatif adalah laksana mendirikan sebuah bangunan yang keteguhannya bergantung pada kerapian struktur pembinaannya. Kekuatan sesebuah karangan itu bergantung pada organisasi karangan ini disusun atau dibina supaya menjadi suatu ciptaan yang padu, sedap dibaca dan yang lebih penting dapat menyalurkan pemikiran yang mahu disampaikan dengan jelas lagi berkesan. Oleh itu, kemahiran menulis di kalangan pelajar tidak boleh dipandang ringan kerana kelemahan pelajar dalam kemahiran penulisan karangan Bahasa Melayu sudah tentunya akan mempengaruhi pencapaian pelajar

dalam subjek-subjek yang lain terutamanya pada peringkat persekolahan menengah atas.

### **PENYATAAN MASALAH**

Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamed berhasrat menjadikan Malaysia sebuah negara yang maju berasaskan industri moden menjelang tahun 2020. Untuk menghasilkan sebuah masyarakat yang maju berasaskan industri moden ini, kita memerlukan manusia yang cerdas, yang cekap berbincang tentang segala ilmu moden, yang berasaskan sains dan teknologi. Ilmu-ilmu moden ini disampaikan kepada generasi atau masyarakat melalui sekolah-sekolah dan institusi-institusi pengajian yang menggunakan Bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Oleh itu, peranan Bahasa Melayu untuk mencapai cita-cita Wawasan 2020 amatlah penting dan tidak boleh dipandang ringan.

Menurut Nik Safiah Karim (1992), kejayaan Wawasan 2020 amat bergantung kepada kejayaan bahasa yang menjadi saluran pernyataan ilmu. Persoalan bahasa hendaklah

dibincangkan bersama-sama dengan persoalan ekonomi dan ilmu pengetahuan moden. Kaitan antara kejayaan Wawasan 2020 dengan Bahasa Melayu menjadi semakin jelas. Jika berjaya Wawasan 2020, maka berjaya juga Bahasa Melayu. Sebaliknya, jika lemah Bahasa Melayu dari segi struktur dan perkembangannya, maka bahasa itu tidak dapat menampung perkembangan ilmu yang amat diperlukan. Jikalau masyarakat Malaysia tidak dapat menguasai ilmu selengkapnya, maka cita-cita Wawasan 2020 tidak akan tercapai.

Walaupun tahap pencapaian penggunaan Bahasa Melayu sudah dapat dibangga jika dibandingkan dengan keadaan pada sepuluh atau dua puluh tahun yang lampau, namun pencapaian Bahasa Melayu para pelajar dalam peperiksaan-peperiksaan yang penting masih lagi di tahap yang kurang memuaskan. Zulkifley Hamid (1994) menyatakan, secara umum, taraf pencapaian para pelajar di Malaysia dalam mata pelajaran Bahasa Melayu amatlah menyedihkan. Peratusan pelajar yang mencapai taraf cemerlang amat kecil, manakala peratusan yang gagal dan yang hanya mencapai taraf sekadar lulus amat tinggi.

Fenomena ini berlaku semenjak beberapa tahun yang lampau. Analisis keputusan Bahasa Melayu dalam peperiksaan MCE / SPM 1978 dan 1979 di Semenanjung Malaysia yang dipetik oleh Azman Wan Chik (1989) menunjukkan bahawa pada tahun 1978, hanya 6.33% daripada jumlah calon MCE , dan 3.22% daripada calon SPM mendapat kelulusan cemerlang. Keadaan ini bertambah menurun pada tahun 1979. Peratus yang mendapat gred 7 dan 8 (lulus) saja pada tahun 1978 dan 1979 adalah melebihi 40% daripada semua calon yang mengambil peperiksaan tersebut.

Pada tahun 1980 pula, Azman Wan Chik (1989) juga menyatakan bahawa keputusan peperiksaan SPM bagi mata pelajaran Bahasa Melayu telah menggemparkan masyarakat kerana 5 000 orang pelajar Melayu gagal mendapat pangkat pertama akibat tidak mendapat kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Ketika mengulas prestasi para pelajar Melayu dalam peperiksaan SPM dan STPM, Farid M.Onn (1989) menyatakan bahawa kelemahan pelajar-pelajar Melayu dalam mata pelajaran Bahasa Melayu tercermin dalam keputusan-keputusan peperiksaan SPM dan STPM beberapa

tahun kebelakangan ini. Masalah kelemahan pelajar-pelajar Melayu ini sering kali dibincangkan dan pelbagai alasan serta sebab musabab dikemukakan sebagai justifikasi kepada kelemahan-kelemahan tersebut.

Laporan Prestasi UPSR (1993 ) pula melaporkan bahawa,

*‘ murid dalam golongan sederhana atau lemah banyak melakukan kesilapan. Selain isi-isinya cetek, berulang-ulang dan membosankan, kelemahan murid, termasuk salah menggunakan tanda baca, salah menggunakan perkatan, ayat tidak lawar dan banyak menggunakan pola ayat berbentuk dialek. Semua ini mengakibatkan murid tidak dapat menyampaikan buah fikiran dengan tepat dan menjelaskan markah mereka.’*

Laporan tersebut menunjukkan bahawa kebanyakan pelajar yang telah mempelajari Bahasa Melayu selama dua belas tahun, masih lemah dalam penulisan karangannya. Jika perkara ini dibiarkan berterusan, maka sudah pasti ianya akan menjelaskan pencapaian Bahasa Melayu pelajar tersebut seterusnya.

Isahak Haron (1994) telah menjalankan satu lagi kajian tentang pencapaian Bahasa Melayu. Kajian yang dijalankan adalah berdasarkan laporan tahunan keputusan

UPSR dari tahun 1989 hingga 1993. Hasil kajian beliau telah dilaporkan oleh Choo Li Lean dalam akhbar Berita Harian, 14 November 1994, yang menyatakan bahawa kira-kira 60 000 murid sekolah kebangsaan di seluruh negara yang menduduki UPSR setiap tahun didapati lemah dalam pembacaan dan penulisan Bahasa Melayu. Menurut beliau, masalah kelemahan membaca serta menulis di kalangan murid-murid tersebut, biasanya bukan berpunca daripada mereka sendiri tetapi hasil kaedah pengajaran Bahasa Melayu yang kurang sesuai ketika di peringkat asas pembelajaran iaitu tahun satu dan dua.

Manakala Koh Boh Boon (1996) dalam kajiannya tentang kebolehan pelajar Tingkatan Enam Rendah dalam penulisan karangan mendapati secara keseluruhan, sebahagian besar pelajar iaitu kira-kira dua pertiga (67.5%) daripada sampel, berkebolehan sederhana (gred C) dalam penulisan karangan perbincangan. Yang lain iaitu hampir satu pertiga daripada sampel adalah pada tahap lemah atau sangat lemah ( Gred D/E). Tiada seorang pun pelajar yang mencapai tahap cemerlang (Gred A) atau baik (Gred B) secara keseluruhan.

Manakala dalam kajian yang dijalankan oleh Abdul Hamid Mahmood (1997) ke atas tiga golongan pelajar iaitu pelajar yang mengambil peperiksaan SPM, STPM dan pelajar kelas persediaan (matrikulasi) mendapati pelajar-pelajar tersebut menghadapi masalah dalam aspek tatabahasa melalui skrip-skrip jawapan dan ujian lisan yang dijalankan. Daripada kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh pelajar-pelajar peringkat SPM, STPM, dan kelas persediaan, menunjukkan bahawa masih ramai pelajar, baik pelajar bumiputra maupun bukan bumiputra yang lemah dalam Bahasa Melayu. Mereka bukan sahaja belum mempunyai kecekapan berbahasa Melayu secara lisan, tetapi juga secara tulisan.

Ekoran daripada masalah kelemahan pelajar dalam Bahasa Melayu khususnya dalam bahagian penulisan karangan, beberapa persoalan telah ditimbulkan oleh para pendidik, terutama daripada segi keberkesanan kaedah dan teknik pengajaran penulisan di sekolah-sekolah. Dalam aspek pengajaran Bahasa Melayu, keberkesanan pengajaran guru banyak bergantung pada kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru. Jika guru tidak arif tentang kaedah